



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 27 April 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>JKM Wujud Pangkalan Hadapan Musim Kemarau – Fatimah</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/26/jkm-wujud-pangkalan-hadapan-musim-kemarau-fatimah/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/26/pangkalan-hadapan-untuk-hadapi-kemarau-diwujudkan</p> <p>https://headtopics.com/my/sarawak-aktifkan-pengkalan-hadapan-sepanjang-musim-kemarau-38426609</p> <p>https://suarasarawak.my/sarawak-tubuh-pangkalan-hadapan-untuk-hadapi-musim-kemarau/</p>	<p>TVSTV</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Head Topics</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/960620/pangkalan-hadapan-diaktifkan-untuk-hadapi-musim-kemarau-panjang</p> <p>https://sarawakvoice.com/sarawak-sedia-pangkalan-hadapan-hadapi-kemarau/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/sarawak-aktifkan-pangkalan-hadapan-sepanjang-musim-kemarau/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sarawak Voice</p> <p>Utusan</p>	
2	<p>Tragedi Aidilfitri: Kanak-Kanak Lemas Di Kolam Renang Rumah Datuk</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/26/tragedi-aidilfitri-kanak-kanak-lemas-di-kolam-renang-rumah-datuk/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255884/berita/semasa/budak-perempuan-lemas-di-kolam-renang</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-perempuan-mati-lemas-dalam-kolam-renang/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/26/kanak-kanak-perempuan-mati-lemas-dalam-kolam-renang/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=MZaCtDNK7Yo</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62360-kanak-kanak-lemas-di-dalam-kolam-renang</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/04/26/ziarah-aidilfitri-bertukar-tragedi-kanak-kanak-perempuan-lemas-dalam-kolam-renang-di-tambun</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=cv_2uKrOFLw</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/960676/cucu-maut-dalam-kolam-renang-rumah-datuk</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/04/1094137/bayi-maut-lemas</p> <p>https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2184384</p>	<p>FMT</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p> <p>Berita RTM</p> <p>Majoriti</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p>	Negatif

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-ditemui-lemas-dalam-kolam-rumah-datuk/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/26/bayi-sembilan-bulan-lemas-dalam-kolam-renang-rumah-datuk/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/04/bayi-perempuan-maut-lemas-dalam-kolam-renang/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Edisi 9</p>	
3	<p>Profesor Wanita Melayu Pertama Meninggal Dunia</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1093901/profesor-wanita-melayu-pertama-meninggal-dunia</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255842/berita/senarai/profesor-wanita-melayu-pertama-fatimah-hamid-don-meninggal-dunia</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/profesor-wanita-melayu-pertama-meninggal-dunia/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/profesor-wanita-melayu-pertama-meninggal-dunia-tinggalkan-banyak-sumbangan-dalam-bidang-pendidikan/</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/26/professor-wanita-melayu-pertama-fatimah-hamid-don-meninggal-dunia/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>TVSTV</p>	Neutral
4	<p>Bekas Penagih Dadah OKU Raih RM7,000 Semusim</p> <p>https://mediapermata.com.bn/bekas-penagih-dadah-oku-raih-rm7000-semusim/</p>	<p>Media Permata</p>	Positif

JKM WUJUD PANGKALAN HADAPAN MUSIM KEMARAU – FATIMAH

<https://tvstv.my/2023/04/26/jkm-wujud-pangkalan-hadapan-musim-kemarau-fatimah/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 26 April: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak akan mewujudkan pangkalan hadapan buat julung kali bagi menghadapi musim kemarau yang dijangka melanda negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata pangkalan itu akan ditempatkan di kawasan yang mempunyai sejarah putus bekalan air selain di sekitar penempatan rumah panjang.

“Persiapan JKM untuk musim kemarau ini ialah menyediakan bekalan air iaitu air tangki dan air botol. Biasanya untuk air minuman adalah minuman dalam botol.”

“Sekiranya ada kawasan putus bekalan air disebabkan cuaca panas, JKM yang mendapat laporan daripada ketua masyarakat atau pemimpin akan melakukan penghantaran air botol dan kadar yang diberikan adalah 12 botol seorang untuk kadar seminggu.”

“Sekiranya kemarau berlanjutan, bekalan air minuman dalam botol akan dihantar sekali lagi. Jika bekalan air paip menjadi kering disebabkan kemarau, maka Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) akan melakukan penghantaran air dalam tangki,” katanya ketika ditemui pemberita di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di kediamannya di Petra Jaya, pada Rabu.

Pada masa yang sama, beliau memberitahu pangkalan hadapan dilaksanakan pertama kali untuk musim panas ini sebagai inisiatif bagi membantu kawasan ‘panas’ kemarau yang terjejas berterusan.

“Pertama kalinya kita mewujudkan pangkalan hadapan untuk air.”

“Objektifnya adalah untuk memastikan penghantaran air yang pantas sekiranya terputus bekalan air disebabkan kemarau bagi lokasi yang mempunyai sejarah putus bekalan air dan kawasan yang bergantung kepada tadahan air hujan,” katanya lagi.

Turut hadir Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Professor Dato Sri Dr Sim Kui Hian serta Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Mohammad Razi Sitam.-TVS

TRAGEDI AIDILFITRI: KANAK-KANAK LEMAS DI KOLAM RENANG RUMAH DATUK

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/26/tragedi-aidilfitri-kanak-kanak-lemas-di-kolam-renang-rumah-datuk/>

Sumber : Free Malaysia Today



IPOH: Ziarah Aidilfitri sepasang suami isteri ke rumah ahli keluarga berakhir tragedi apabila anak perempuan mereka berusia 21 bulan lemas dalam kolam renang rumah datuknya di Tambun semalam.

Ketua Polis Ipoh, Yahaya Hassan, berkata kejadian dipercayai berlaku pada 8.45 malam, selepas bapa kanak-kanak itu menjumpai mangsa dalam keadaan terlentang dan terapung dalam kolam renang.

“Siasatan awal mendapati kanak-kanak terbabit bersama ibu bapanya masing-masing berusia 31 dan 33 tahun menziarahi ahli keluarga mereka di sebuah rumah lot dimiliki datuk mangsa.

“Bapa mangsa kemudiannya menghantar mangsa ke sebuah hospital swasta, namun disahkan meninggal dunia oleh petugas perubatan,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, bedah siasat dijalankan di Hospital Raja Permaisuri Bainun mendapati punca kematian akibat lemas.

Sehubungan itu, ibu bapa mangsa disiasat mengikut Seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001, iaitu membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan berpatutan.

“Justeru, polis ingin memberi nasihat dan peringatan kepada orang awam, khususnya ibu bapa atau penjaga supaya tidak membiarkan kanak-kanak di bawah jagaan masing-masing tinggal tanpa pengawasan berpatutan bagi mengelakkan berlakunya sebarang tragedi tidak diingini,” katanya.

PROFESOR WANITA MELAYU PERTAMA MENINGGAL DUNIA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1093901/profesor-wanita-melayu-pertama-meninggal-dunia>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Profesor wanita Melayu pertama yang juga bekas Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), Puan Sri Prof Dr Fatimah Hamid Don dilaporkan meninggal dunia di Hospital Tawakal di sini, awal pagi ini.

Balu kepada Allahyarham Tan Sri Ishak Pateh itu menghembuskan nafas terakhir pada jam 2.35 pagi pada usia berusia 89 tahun.

Jenazah akan dibawa ke Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya dari hospital pada jam 10 pagi ini untuk dimandi dan dikafankan di masjid berkenaan sebelum dijangka dikebumikan selepas solat Zuhur hari ini.

Jenazah kemudian dijangka akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam PJS4, Taman Medan, di sini.

Allahyarham yang berasal dari Batu Gajah, Perak memiliki Ijazah Sarjana (Geografi) pada tahun 1968 dan Ijazah Kedoktoran (Pengajaran dan Kurikulum) (1971) dari University Southern California, Los Angeles, Amerika Syarikat.

Allahyarham memulakan kerjaya sebagai pensyarah pada 1972 di Fakulti Pendidikan, UM seterusnya dilantik sebagai Profesor Perkembangan Kurikulum yang juga Pakar Runding Kurikulum, Kementerian Pendidikan sekali gus menjadi wanita Melayu pertama yang dilantik menjadi professor.

Ketika pembabitannya sebagai pendidik, Allahyarham telah menulis dan mengeluarkan lebih 250 kertas kerja untuk majalah dan sebaran am.

Antara makalah yang memuatkan tulisan beliau ialah Jurnal Pendidikan, Wanita, Commonwealth Education Liaison Committee Newsletter dan prosiding persidangan-persidangan lain.

Allahyarham juga diberi amanat untuk terbabit menghasilkan draf Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan laporan persidangan wanita sedunia PBB serta laporan Convention on the Right of the Child (CRC) dan Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW).

Sumbangan Allahyarham sangat besar terhadap bidang pendidikan di Malaysia selain aktif dalam membangunkan dasar dan menaiktaraf kehidupan golongan wanita.

Dalam sektor pendidikan, Allahyarham pernah berkhidmat sebagai pakar dan menjadi ahli jawatankuasa dalam pelbagai organisasi serta pertubuhan.

Allahyarham juga dianugerahkan dengan pelbagai pingat dan darjah kebesaran antaranya ialah Darjah Setia Diraja Kedah (1989), Pingat Emas Tun Fatimah daripada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia dengan gelaran Srikandi (1988), Ijazah Kehormat Doktor Persuratan daripada Universiti Perguruan Sultan Idris (2001) dan Profesor Emeritus oleh UM (2004).

Di peringkat antarabangsa pula, Allahyarham diberi pengiktirafan Pi Lambda Theta (daripada Alpha Delta, University of California, Los Angeles, 1971), Citizen of the Age of Enlightenment Award (World government of the Age of Enlightenment-Maharishi European Research University, 1976), Honorary Fellowship of the International Understanding Honor Society, Ohio University, Athens (1985) dan menjadi ahli seumur hidup International Council on Education for Teaching, Washington DC, Amerika Syarikat.

BEKAS PENAGIH DADAH OKU RAIH RM7,000 SEMUSIM

<https://mediapermata.com.bn/bekas-penagih-dadah-oku-raih-rm7000-semusim/>

Sumber : Media Permata

PASIR MAS – Akibat tersalah memilih kawan semenjak 20 tahun lalu, perjalanan kehidupan Ali bukan nama sebenar berubah sekelip mata apabila terjerumus dengan kegiatan penyalahgunaan dadah.

Ali, 44, yang juga Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan berasal dari Mukim Kubang Sepat, mula mengambil bahan terlarang (pil kuda) sewaktu berusia 24 tahun yang pada ketika itu dia bekerja sebagai buruh binaan.

“Saya ambil pil kuda ini sebab pengaruh rakan-rakan dan saya guna duit saya sendiri untuk beli pil kuda yang dijual dengan harga RM10.

“Bayangkan betapa banyak duit saya buang begitu sahaja semata-mata makan benda terlarang itu yang langsung tidak beri faedah kepada diri saya malah ia sebenarnya merosakkan kehidupan saya dan memalukan keluarga,” katanya ketika ditemui *Bernamea*.

Bercerita lanjut, Ali berkata selepas ditahan polis pada tahun 2020 di bawah Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya yang dikehendaki menjalani program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) tidak kurang dari dua tahun hingga tiga tahun, dia mula mencari dirinya kembali dan terdetik rasa keinsafan untuk berubah.



Ali (bukan nama sebenar) mengusahakan tanaman buah dan sayuran ketika ditemui *Bernamea* di Mukim Kubang Sepat.



Ali memeriksa jaring timun yang dipasang ketika ditemui oleh Bernama di Mukim Kubang Sepat.



“Selepas keluar dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) Kota Bharu, saya mula mengambil alih tanaman yang pernah diusahakan ibu di tepi sungai Kelantan seluas 1.21 hektar dengan menanam buah dan sayuran iaitu tembikai, jagung, timun serta terung.

“Alhamdulillah, setakat ini permintaan orang ramai sangat memberangsangkan dan saya mampu meraih pendapatan bersih sebanyak RM7,000 semusim,” katanya yang turut dibantu oleh dua pekerja.

Ali berkata hasil titik peluhnya itu turut mendapat perhatian daripada agensi kerajaan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) untuk membantu dia mengusahakan tanaman terbabit.

“Saya berasa sangat bangga dan berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana tidak meminggirkan bekas penagih dadah seperti saya, malah banyak memberi bantuan dan pertolongan.

“Oleh itu, saya seru kepada semua bekas penagih dadah supaya berubahlah demi masa depan yang lebih cerah, cari peluang yang diberikan kerajaan dan jangan sesekali merasakan diri kita ini tidak diterima masyarakat. Percayalah dadah itu banyak kesan buruk,” katanya. – Bernama